



Kakak tertekan sikap adik kembali berubah

Perubahan diharapkan selepas keluar dari pusat pemulihan tidak berpanjangan

SOALAN

SAYA ingin mencurahkan masalah kerana berasa sangat tertekan dengan masalah adik. Untuk pengetahuan saya mempunyai ramai adik beradik dan semuanya perempuan.

Sebagai kakak, saya bertanggungjawab memikul dan memikirkan penyelesaian masalah ini kerana ayah mempunyai masalah kesihatan.

Adik saya (A) sudah melakukan perbuatan yang memalukan kami sekeluarga. Dulu dia lari dari rumah dan meninggalkan surat menjelaskan dia sudah mengandung dan tidak mahu menyusahkan kami sekeluarga.

Dapatkah Dr bayangkan perasaan ayah saya ketika dia membaca surat itu? Atas nasihat seorang saudara, kami melaporkan kes ini kepada pihak polis dan akhirnya adik dibawa balik ke pangkuan keluarga.

Akhirnya keguguran dan kami bersyukur kerana sekurangnya perasaan malu kerana adik mengandung luar nikah dapat disembunyikan. Selepas adik melakukan pantang, kami hantar dia ke rumah pemulihan agar dapat menginsafi kesalahannya di samping belajar mengenai agama dengan lebih mendalam.

Alhamdulillah, di sana adik dapat belajar mengenai agama, menyayangi keluarga selain menginsafi kesalahannya dulu. Selama setahun dia di sana dan selepas selesai, adik dibawa pulang ke kampung.

Harapan kami dia sudah berubah malangnya perubahan itu hanya sekejap. Hanya pada peringkat permulaan adik masih mengikut rutinnya semasa berada di pusat pemulihan kemudian dia kembali menghubungi teman lakinya. Kami berasa takut kejadian sebelum akan berulang, justeru bercadang menghantar dia melanjutkan pelajaran.

Namun adik enggan dan dia juga sudah bertekad tidak mahu belajar. Ayah akhirnya bosan dan tidak mahu ambil peduli. Adik

TEKUN...remaja bermasalah belajar membaca al-Quran di rumah pemulihan.



kini berada di rumah namun perangnya sudah kembali seperti dulu. Dia juga menghubungi lelaki terbabit biarpun pada mulanya menafikan.

Saya sangat tertekan dan tidak dapat menumpukan perhatian pada pengajian di sebuah institusi pengajian tinggi yang sedang diikuti kini.

Keluarga kami juga tidak dapat menerima lelaki berkenaan kerana dia bukan baik manakala adik kini sudah semakin tidak mpedulikan kami dan mengatakan kami juga mengongkongnya.

SEDIH, Kedah.

JAWAPAN

Dramat memahami dan Empati dengan tekanan

yang adik dan keluarga alami. Dari apa yang adik cerita pada Dr, memang adik seorang kakak yang bertanggungjawab. Tahniah Dr ucapkan dan semoga sifat ini akan terus adik amalkan. Dr sentiasa doakan adik mempunyai kekuatan untuk menghadapi ujian berat ini. Memang tidak dinafikan, masalah keluarga sering kali memberi tekanan kepada ahli keluarga yang lain.

Remaja sekarang mempunyai sifat ingin mencuba dan ingin tahu yang sangat tinggi. Pada peringkat ini juga, remaja sering bertentangan pendapat terutama sekali dengan keluarga. Merasa terkongkong dan seolah-olah ahli keluarga lain tidak memberi kasih sayang yang mencukupi adalah

perasaan lumrah.

Tidak hairanlah apabila A sering mengatakan keluarga termasuk adik suka mengongkongnya. Sifat kasih sayang adik dan ayah dalam bentuk menjaga erat tingkah laku dilihat sebagai satu hukuman bagi A yang nalurnya masih ingin kepada kebebasan.

Apabila sifat mengongkong ini tidak ada pada teman lelaki, A beralih arah kepadanya. Perhatian tidak berbelah bahagi yang diberikan teman lelaki kepada A membuatkan dia terus terlena dalam fantasi kehidupan.

Adik perlu sentiasa membina perhubungan dengan A supaya dia tidak merasa tersingkir dan dihukum. Memang Dr akui, bukanlah mudah menjaga

seorang perempuan yang sukar dikawal. Lagi menyukarkan untuk memberi perhatian dan kasih sayang kepada orang yang tidak mahu menerimanya.

Tetapi, kasih sayang adalah hubungan yang tiada hujungnya dan membina adalah satu proses. Ia berterusan dan tiada titik noktah.

Dalam dunia teknologi canggih ini, adik boleh berhubung dengan A melalui khidmat pesanan ringkas, Facebook atau medium yang lain. Tunjukkan bahawa adik sentiasa bersama-samanya dalam mengharungi dugaannya hidupnya. Bagaimanapun, ini tidak bermakna adik perlu mengorbankan pelajaran.

Jika merasa bebanan yang ditanggung terlalu berat,

adik boleh meminta bantuan daripada saudara mara yang lain bagi mengurangkan beban yang ditanggung sendiri.

Bukan mudah bagi A untuk berubah. Ia akan mengambil masa. Sokongan yang sangat kuat dan tidak berbelah bagi perlu untuk perlahan-lahan menarik A ke jalan yang adik inginkan.

Sesuatu yang baik ialah A pernah menunjukkan perubahan positif. Ini menunjukkan A boleh berubah jika dia mahu. Apa yang A perlukan ialah sokongan berterusan. Sentiasalah berdoa agar ditambah dan dilembutkan hati A untuk berubah. Adik jangan mudah berputus asa. Sama-samalah kita doakan yang terbaik untuk adik dan A.